



BANGGA...Abdul Rashid (tengah) bersama kontinjen UiTM Kelantan selepas muncul juara perbarisan kontinjen terbaik sempena Karnival Sukan Mahasiswa UiTM Ke-14, di Bukit Mertajam, semalam.

UiTM Kelantan juara perbarisan terbaik

H. Metro - 3/12/06

>>Oleh Shahrin Osman

KONTINJEN Universiti Teknologi Mara (UiTM) Kelantan muncul juara perbarisan kontinjen terbaik selepas mengalahkan 13 kontinjen UiTM, di padang UiTM Pulau Pinang, Jalan Permatang Pauh, Bukit Mertajam, semalam.

Program itu sempena Kar-

nival Sukan Mahasiswa (Karisma) UiTM kali ke-14 turut menyaksikan kontinjen UiTM Pulau Pinang yang menjadi tuan rumah Karisma menduduki tempat kedua, manakala kontinjen UiTM Pahang pula menduduki tempat ketiga.

Timbalan Ketua Menteri, Datuk Seri Abdul Rashid Abdullah, merasmikan Karisma

itu serta menyampaikan hadiah kepada pemenang pertandingan perbarisan kontinjen terbaik.

Karisma itu berlangsung selama enam hari bermula semalam turut membabitkan lebih 2,480 atlit dengan menyertai 15 acara sukan iaitu bola sepak, badminton, bola jaring, hoki, memanah, sepak takraw dan tenpin bowling.